

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR [SILAM]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Haji Datu Nasrun Bin Datu Mansur [Silam] Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah fungsi dan peranan ICQS Lahad Datu yang sekarang ini diletakan di POIC tetapi tidak disediakan kemudahan untuk pendaratan penumpang sehingga memberi kesan terhadap pendatang tanpa izin yang mendarat di sepanjang Pantai Timur Sabah khususnya di Silam.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Immigration, Customs, Quarantine and Security* (ICQS) yang ditempatkan di *Palm Oil Integrated Cluster* (POIC), Lahad Datu adalah pejabat sementara bagi Pos Kawalan Imigresen dan Unit Perkapalan Jabatan Imigresen (JIM) Lahad Datu.

Jabatan Imigresen dalam kawasan POIC, Lahad Datu berperanan untuk memberi perkhidmatan imigresen kepada kapal dagang luar dan dalam negeri yang keluar dan masuk di kawasan POIC. ICQS juga digunakan sebagai pejabat unit perkapalan untuk pemeriksaan kemasukan kapal-kapal dagang yang menggunakan pelabuhan Lahad Datu dan Kunak sebagai *Port of Entry* dari luar negara. Tugasan *Sign On* dan *Sign Off* anak-anak kapal juga dibuat di pejabat berkenaan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah bersetuju pejabat ICQS sementara dibuka di kawasan yang sedia ada untuk pemeriksaan masuk warga Filipina yang datang secara sah dari negara mereka melalui jalan laut. Kerajaan dalam proses untuk mengenalpasti kawasan yang sesuai untuk dijadikan pejabat kekal ICQS di Lahad Datu.

Sekian. Terima kasih.